

Cenderamata, tambah anggota— pentadbir dibincang hangat...

GELANG kunci, plak dan cenderamata yang menelan belanja kira-kira \$2,000 adalah antara perkara-perkara yang menyebabkan perdebatan hangat dalam Mesyuarat Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi) kelmarin.

Ia ditimbulkan oleh seorang wakil yang merujuk kepada pernyataan kewangan Persisi dan inginkan penjelasan tentang perbelanjaan sebanyak \$2,002.10 bagi 1,000 rantai kunci, plak dan cenderamata tersebut.

Bekas Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, menjelaskan bahawa gelang kunci tersebut bertujuan dijualkan bagi memungut derma tetapi akhirnya diberi sebagai cenderamata seperti plak dan cenderamata yang lain.

Seorang ahli perwakilan punya telah menyoal peri perlunya penambahan anggota jawatankuasa pentadbir sedangkan kegiatan Persisi tidak begitu meluas hingga ke Eropah.

Pengerusi mesyuarat, Haji Abdul Rahim Dayan, menjelas-

kan bahawa penambahan empat jawatan iaitu Penaung, Penasihat, Timbalan Presiden II dan Penolong Setiausaha II adalah perlu bagi membantu menyelaraskan beberapa kegiatan yang bakal dianjurkan.

Bagaimanapun, hanya jawatan Timbalan Presiden II yang dilantik dalam mesyuarat. Tiada perlantikan dibuat bagi tiga jawatan baru yang lain.

Anggota Parlimen Tanah Merah, Encik Ibrahim Othman, telah dilantik selaku Presiden bagi 1988-90.

Beliau menggantikan Haji Abdul Rahim Dayan yang telah memegang jawatan itu sejak dua tahun yang lalu.

Haji Abdul Rahim kini bertindak sebagai Timbalan Presiden I, manakala Encik Abdul Rahim Ismail memegang jawatan Timbalan Presiden II dan Encik Mohd Saein selaku Naib Presiden.

19 FEB 1988

Mesyuarat dihadiri oleh para anggota eksekutif dan 14 ahli perwakilan serta lebih daripada 30 anggota Persisi.

SILAT

RAMAI SAMBUT BAIK

21 FEB 1988

B. Minggu (M)

PENUNDAAN tarikh Kejohanan Silat Kebangsaan 1988 yang pada mulanya dijadualkan pada 3 April, memberi rahmat kepada pertubuhan-pertubuhan silat negeri untuk menyediakan pesilat-pesilat yang lebih mantap.

Selangor yang berhasrat menjadi tuan rumah kejohanan itu, terpaksa menunda tarikh kerana Majlis Silat Negeri Selangor (Masis) belum disahkan pendaftarannya.

Selain itu, Masis difahamkan turut menghadapi masalah kewangan bagi mengajurkan kejohanan yang akan membabitkan lebih 300 pesilat itu.

Persatuan Silat Terlat Empat Wilayah Persekutuan (PSTEWP) yang masih dalam proses pendaftaran, adalah antara pertubuhan yang gembira dengan penundaan itu kerana memberi laluan kepada mereka turut serta dalam kejohanan Ogos ini.

Setiausaha Aziz Harun, berkata penundaan tarikh itu mungkin satu rahmat kepada PSTEWP menyediakan satu pasukan selepas mendapat restu Pendaftar Pertubuhan nanti.

Katanya, PSTEWP sudah pun mengadakan mesyuarat jawatankuasa penaja pertengahan bulan lalu dan akan menyerahkan semua butir-butir penubuhan persatuan itu kepada Pendaftar Pertubuhan tidak lama lagi.

"Kami ingin mendapatkan surat bergerak sementara daripada Pendaftar Pertubuhan supaya PSTEWP dapat menyediakan pasukan menghadapi kejohanan itu," tambahnya.

Dalam mesyuarat jawatankuasa penaja PSTEWP baru-baru ini, Timbalan Ketua Pengarah 1 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Haji Nordin Razak dilantik sebagai Yang Dipertua, Zaki Abdul Rahman dari Majlis Sukan Negara (MSN) Timbalan Yang Dipertua dan Naim Abdullah sebagai Naib Yang Dipertua merangkap jurulatih PSTEWP.

Aziz memberitahu, selepas mendapat surat bergerak sementara, PSTEWP akan memohon untuk bergabung dengan Persekutuan Silat Malaysia (Pesaka) bagi memudahkan ia terbabit dalam sebarang kegiatan badan induk itu.

"Kami sudah pun mengumpulkan pesilat-pesilat untuk dilatih tetapi perlu mendapatkan surat bergerak sementara itu terlebih dahulu," katanya.

Beliau menambah, PSTEWP akan menurunkan pesilat lelaki dan wanita berkeupayaan di kejohanan kebangsaan nanti jika mendapat kebenaran dari Pesaka.